

21 MAR 1999

Kadir-Pendatang

INDONESIA PERLU BANTU SEKAT KEBANJIRAN PENDATANG

ALOR SETAR, 21 Mac (Bernama) -- Malaysia telah meminta bantuan secara rasmi daripada kerajaan Indonesia bagi menyekat kebanjiran rakyatnya ke negara ini, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, hari ini.

Beliau berkata perbincangan diadakan dengan pihak-pihak berkuasa negara itu bagi meminta mereka menghalang rakyatnya menyeludup masuk ke negara ini.

Katanya, Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) dan pasukan polis marin negara itu adalah antara pihak yang paling berkesan menyekat kebanjiran pendatang tanpa izin.

"Menyekat mereka di negara sendiri adalah lebih berkesan, jikalau dibandingkan langkah membanterasnya di negara ini, kerana ia akan melibatkan kos yang tinggi," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas majlis pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pemimpin parti Komponen Barisan Nasional di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman, di sini.

Abdul Kadir mengulas mengenai laporan akhbar terdapat kira-kira 30,000 rakyat Indonesia sedang berkumpul di Tanjung Pinang, Indonesia untuk memasuki Malaysia.

Fenomena itu dipercayai berpunca dari keadaan kemelesetan ekonomi negara itu, yang masih belum pulih, yang memaksa rakyat negara itu mencari pekerjaan di negara ini.

Abdul Kadir berkata kerajaan yakin Indonesia akan membantu mengatasi masalah kemasukan pendatang tanpa izin itu berdasarkan hubungan yang baik antara kedua-dua negara.

Beliau berkata sejak beberapa minggu kebelakangan ini Jabatan Imigresen, polis dan tentera telah meningkatkan operasi membanteras pendatang tanpa izin itu.

Hasil operasi itu, jumlah tangkapan pendatang tanpa izin meningkat dengan mendadak, dan ini menunjukkan memang ramai yang cuba masuk ke negara ini sejak akhir-akhir ini, katanya.

-- BERNAMA

MZM RI